

# Dr. M: Bahagian, cawangan tidak boleh hapus musuh

UM 12 APR 1988

Oleh Rosli Ismail

**K**ANGAR 11 April — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menolak kemungkinan sesiapa pun di peringkat bahagian dan cawangan UMNO (baru) dapat mengambil kesempatan dari proses pendaftaran ahli untuk “menghapus musuh” kerana penentuan menjadi ahli dibuat oleh Majlis Tertinggi, bukan di peringkat itu.

Perdana Menteri menegaskan UMNO (baru) mempunyai sebab - sebab yang kuat mengapa tidak melantik semula setengah - setengah ketua bahagian lama atau tidak menerima permohonan sesiapa menjadi ahli tetapi ia tidak langsung berpunca dari soal sama ada beliau secara peribadi suka atau tidak suka terhadap orang berkenaan.

Beliau juga menyifatkan sebagai fitnah desas - desus yang mengatakan UMNO (baru) hanya akan menerima permohonan menjadi ahli dari kalangan mereka yang taat kepadanya.

Bercakap dalam sidang akhbar di akhir lawatannya ke Perlis di sini pagi ini, Datuk Sri Dr. Mahathir mengulangi kenyataannya bahawa UMNO (baru) tidak akan menerima orang - orang yang telah menghancurkan UMNO (lama) itu dan tidak menunjukkan minat untuk menjayakan parti baru itu.

Dalam sidang akhbar itu beliau antara lain telah diminta mengulas tentang \_\_\_\_\_ berbagai dakwaan yang

timbul terhadap UMNO (baru), gesaan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam meminta UMNO (baru) menerima semula semua ahli UMNO lama, perlembagaan UMNO (baru) dan ada pihak menggunakan raja dalam masalah UMNO. Ditanya mengenai kebimbangan setengah - setengah orang ada yang boleh mengambil

**LIHAT MUKA 6**

## BAHAGIAN, CAWANGAN TIDAK BOLEH HAPUS MUSUH

kesempatan dari proses pendaftaran di peringkat bahagian dan cawangan untuk menolak orang-orang yang mereka tidak ingini beliau berkata: "Kita tentukan siapa jadi ahli di peringkat pusat bukan bahagian atau cawangan. Sebab itu sekarang ini kita daftar di peringkat pusat."

"Soal orang di satu cawangan berkelahi sesama sendiri dan dia nak menidakkan hak ahli lain itu tidak berbangkit. Kita akan timbang," ujarnya sambil menegaskan dakwaan adanya kemungkinan itu sebagai fitnah semata-mata. Beliau juga memberitahu "ada sebab-sebab belaka," mengapa setengah ketua bahagian lama tidak dilantik jadi ketua penaja bahagian UMNO (baru). "Kalau dia tidak tunjuk minat untuk menjayakan UMNO (baru) maka kalau dia jadi ketua tentu parti tidak akan berjaya. "Umpamanya dalam mesyuarat pindaan perlembagaan di Parlimen baru-baru ini ada ahli Parlimen dari UMNO (lama) yang tidak hadir walaupun dia tahu saat kita ada mesyuarat yang undi menjadi perkara penting. "Ada pula antara orang ini yang buat tohmah terhadap UMNO (baru). Buat ucapan yang memburukkan UMNO (baru). Jadi orang macam ini kita tak fikir layak," katanya. Menyentuh tentang nasib mereka yang tidak dilantik semula jadi ketua penaja bahagian, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata ada

kemungkinan mereka diterima menjadi ahli UMNO (baru) tetapi jika didapati tidak sesuai mungkin tidak diterima. Beliau memberi contoh mereka yang berkenaan seperti bergiat bawa kes mahkamah hancurkan UMNO, membuat kenyataan burukkan UMNO (baru) dan tidak membantu menyelesaikan masalah tetapi, menambah masalah.

"Saya sudah terangkan berkali-kali soal suka tidak suka tidak berbangkit. Begitu juga bukan soal taat dan tidak taat kepada saya," tegasnya. Mengulas tentang gesaan Datuk Musa Hitam melalui satu kenyataan akhbar baru-baru ini supaya UMNO (baru) mengambil semula semua ahli UMNO (lama), beliau menegaskan soal UMNO (baru) menolak permohonan atau menyingkir sesiapa bukan satu perkara yang luar biasa. Perdana Menteri berkata mana-mana pertubuhan pun berhak menolak atau menerima mana-mana pemohon untuk jadi ahli.

"Tentulah ada pertimbangan. Sudah tentu orang yang berusaha menghancurkan sesebuah badan yang dia jadi ahli dalamnya merbahaya kepada mana-mana pertubuhan sekalipun. Beliau menegaskan tidak ada sebab mengapa ia menjadi masalah kerana UMNO (lama) sendiri biasa menolak banyak permohonan, dari orang Melayu yang beragama Islam misalnya dari bekas orang PAS. "Ada juga orang UMNO termasuk saya sendiri yang telah disingkirkan dari parti begitu juga bekas Menteri Pertanian Encik Aziz Ishak," katanya merujuk kepada penyingkiran mereka dari parti di zaman Tunku dulu.

"Saya tidak kata bahawa mereka yang diterima itu mesti taat kepada saya. Ini adalah fitnah," ujarnya. Menyentuh tentang pandangan Datuk Musa, orang-orang Melayu sekarang berada dalam keadaan kebingungan melihat berbagai pergolakan dalam UMNO sekarang, Datuk Sri Dr.

Mahathir menegaskan apa yang berlaku bukanlah berpunca dari dirinya. "Bukan saya yang buat. Dulu perkara ini tidak terjadi. Saya tidak mencabar pemimpin dulu, saya tidak cuba rebut jawatan.

"Perkara ini berlaku kerana ada orang tertentu nak rebut jawatan. Kalau kita berpegang kepada tradisi UMNO, tidak ada masalah.

"Tetapi kerana ada ahli UMNO yang begitu kuat cita-citanya maka kita menghadapi masalah." Namun begitu Perdana Menteri berkata beliau yakin masalah yang dihadapi oleh UMNO sekarang boleh diatasi. Ditanya mengenai adanya pihak-pihak yang cuba menggunakan istana dalam masalah UMNO beliau berkata, "saya fikir saya tidak perlu jawab. Ditanya pula mengenai penglibatan kedua-dua bekas Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman dan Tun Hussein Onn menentang UMNO (baru) beliau berkata, "itu hak mereka. Saya tidak boleh komen."